

SEJARAH ASAL USUL DAN TUJUAN MENGUKIR TATU DALAM KALANGAN MASYARAKAT IBAN, RUMAH PANJANG DI LUBUK ANTU, SARAWAK

History of the Origin and Purpose of Carving Tattoos among the Iban Community, Lubuk Antu Long House, Sarawak

Sylvia Saging¹
Zainuddin Baco²

*Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah
Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah*

¹*Sylviasagingjau@gmail.com*

²*Zainuddin@ums.edu.my*

Dihantar: 20 Jun 2022 / Diterima: 20 Ogos 2022 / Terbit: 21 Disember 2022

Abstrak

Secara umumnya, amalan mengukir tatu tradisional Iban dianggap sebagai simbol suci yang menghubungkan masyarakat Iban kepada Tuhan mereka dan melindungi mereka daripada roh jahat. Masyarakat Iban juga menganggap tatu sebagai ganjaran dan ilustrasi perjalanan hidup mereka. Oleh itu, wujud hubungan yang erat antara amalan mengukir tatu dan budaya masyarakat Iban. Artikel ini akan mengupas sejarah asal usul amalan mengukir tatu dalam kalangan masyarakat Iban yang dikaitkan dengan tradisi lisan. Artikel ini turut mengupas tujuan utama amalan mengukir tatu dalam kalangan masyarakat Iban. Penulisan artikel ini diharap dapat memberi gambaran awal kepada generasi muda mengenai tujuan asal amalan mengukir tatu dan mengubah stereotaip sesetengah masyarakat kepada individu Iban yang bertatu tradisional.

Kata Kunci: Amalan mengukir tatu, Iban, Lubuk Antu, Sarawak.

Abstract

In general, the practice of traditional Iban tattooing is considered a sacred symbol that connects the Iban community to their gods and protects them from evil spirits. The Iban community considers tattoos

as a reward and as an illustration of their life journey. Therefore, there is a close relationship between the practice of carving tattoos and the culture of the Iban community. This article will examine the history of the origin of the practice of carving tattoos among the Iban community which is linked to oral tradition. This article also examines the main purpose of the practice of carving tattoos among the Iban community. The results of the article are expected to give an early insight to the younger generation about the reason for the original purpose and change the stereotypes of some people to Iban individuals with traditional tattoos.

Keywords: Practice of carving tattoos, Iban, Lubuk Antu, Sarawak.

Pengenalan

Secara umumnya, amalan mengukir tatu pada kulit telah diamalkan di seluruh dunia. Dalam konteks masyarakat Iban¹ di Kepulauan Borneo, amalan mengukir tatu merupakan sebahagian daripada ritual tradisional, iaitu mempunyai hubungan yang kuat dengan adat dan kesenian masyarakat Iban kerana tatu yang telah diukir secara kekal pada tubuh dan menjadi suatu penandaan yang tidak dapat dihilangkan sehingga kematian. Berdasarkan rekod, amalan tradisi mengukir tatu tradisional di Pulau Borneo telah bermula seawal abad ke-19, terutamanya melibatkan kelompok masyarakat Dayak Iban dan dikaitkan dengan amalan ritualistik dengan kepentingan sosial.

Secara tradisinya, masyarakat Iban di Lubuk Antu mempunyai kepercayaan tradisi dan amalan ritual tertentu yang bertujuan sebagai tanda penghormatan terhadap segala sesuatu yang wujud di sekeliling mereka terutamanya yang mempunyai perkaitan dengan kehidupan harian. Interaksi harian masyarakat Iban dengan alam semula jadi di sekeliling mereka secara tidak langsung telah mempengaruhi corak pandang dunia dan kepercayaan mereka. Masyarakat Iban di Lubuk Antu beranggapan bahawa kehidupan merupakan suatu proses yang berulang untuk menyeimbangkan kewujudan alam, sama ada fenomena yang berlaku pada alam nyata ataupun fenomena di alam ghaib. Mereka juga menganggap dan percaya bahawa semua jenis objek mempunyai roh atau semangat di mana roh dan semangat itulah yang harus dihormati menerusi pelaksanaan ritual yang diadakan di rumah panjang (DeMello, 2014: 290).

Kosmologi Masyarakat Iban di Lubuk Antu

Sebelum kedatangan agama Kristian di Pulau Borneo, masyarakat Iban Lubuk Antu mempercayai bahawa terdapat roh atau semangat yang dipanggil sebagai *Petara* yang dianggap sebagai Tuhan bagi masyarakat Iban zaman dahulu (Gregory Kiyai & Noria Tugang, 2019: 11). Oleh itu, masyarakat Iban terdahulu, iaitu lazimnya yang mengamalkan *pengarap lama* akan sering mengadakan pelbagai upacara atau ritual sama ada untuk tujuan keagamaan dan pemujaan (Sather, 2012: 50). Berdasarkan tradisi lisan, asal usul *pengarap lama* dikatakan bermula daripada Raja Durong, iaitu individu Iban yang telah mewujudkan kepercayaan terhadap *petara* (tuhan) dan juga ramalan tentang fenomena alam semula jadi, semangat padi, kuasa ghaib, semangat orang hidup dan roh orang mati, makhluk hidup serta objek tidak bernyawa. Menurut kepercayaan tradisi masyarakat Iban, *petara* dan makhluk halus iaitu *Antu* lazim diangkat dan dibangkitkan melalui cerita-cerita naratif rakyat seperti mitos tentang *Segundi* (Tuhan pencipta air, *Segundit* (Tuhan pencipta langit) dan *Seramugah* (Tuhan pencipta bumi) (Benedict Sandin, 1980: 5 & Chemaline Osup, 2019: 135).

Masyarakat Iban juga sangat mempercayai dengan nasib baik dan buruk, iaitu dengan mendengar panggilan daripada bunyi-bunyi yang dihasilkan oleh burung seperti *ketupong*, *pangkas* atau *kutok*, *papau* atau *senabong*, *kikih* atau *embuas*, *beragai*, dan *nendak* (Benedict Sandin, 1980: 6). Kepercayaan yang bersandarkan pada nasib buruk atau baik sesuatu perkara adalah hasil daripada ikatan hubungan atau pengadaptasian masyarakat Iban terhadap alam semula jadi. Sehubungan dengan itu, kewujudan kepercayaan terhadap azimat dan *Engkerabon*, iaitu ubat pelindung diri adalah bertitik tolak daripada kepercayaan-kepercayaan tersebut. Tambahan pula, masyarakat Iban zaman dahulu juga mempunyai tiga tuhan yang dikenali sebagai '*Selampandai*', iaitu tuhan yang menciptakan manusia yang tinggal di bumi yang dipanggil sebagai *Perai Tinggal Teresai Ujan Ngerunung* yang membawa maksud kawasan pergunungan yang sangat subur. Seterusnya, tuhan yang kedua pula dikenali sebagai '*Simpulang Gana*' iaitu sebagai tuhan tanah atau dewa utama padi yang berperanan untuk menjaga kesuburan dan melindungi hasil tanaman yang diusahakan. Tuhan yang ketiga pula dikenali dengan panggilan *Singalang Burong* yang merupakan tuhan yang paling dihormati dan tertinggi dalam kalangan masyarakat Iban pada zaman dahulu (Benedict Sandin, 1967: 31).

Masyarakat Iban pada zaman dahulu juga mempercayai bahawa mimpi adalah salah satu cara manusia berkomunikasi dengan alam ghaib (alam roh). *Petara* dipuja dan disembah melalui upacara-upacara seperti *miring* ataupun *bedara*, iaitu merujuk kepada upacara persembahan korban, upacara *sampi* iaitu doa dalam bentuk puisi, *pengap* iaitu berzikir dan juga *timang* iaitu invokasi terutamanya menjelang musim perayaan keagamaan untuk menyampaikan niat mereka (Bibiana Motey & Noria Tugang, 2018: 37). Malahan, masyarakat Iban turut mempercayai bahawa manusia dan roh mempunyai jalinan hubungan yang sangat rapat dan seimbang. Hubungan antara kedua-duanya adalah penting dipelihara oleh manusia iaitu dengan mengikuti dan mewarisi adat yang telah diturunkan oleh Tuhan mereka supaya hubungan antara dua dunia yang berbeza sentiasa kekal seimbang dan terpelihara.

Tradisi Mengukir Tatu dalam Masyarakat Iban

Kaum Iban sememangnya terkenal dalam tradisi mengukir tatu di samping etnik yang lain seperti Kayan dan Kenyah. Sejarah dan tradisi mengukir tatu yang panjang ini turut dikaitkan dengan beberapa peraturan, syarat mahupun pantang larang tertentu yang perlu diikuti dalam amalan pengukiran tatu iaitu sama ada dari segi pemilihan motif, tempat tatu diukir, ataupun struktur sosial individu yang ditatu. Sebagai contoh, kanak-kanak lelaki Iban perlu melakukan pembunuhan pertama dalam kegiatan perburuan haiwan liar sebelum memasuki peringkat dewasa. Sekiranya hal tersebut dapat dilakukan, beberapa ukiran tatu akan diukir pada badannya sebagai ganjaran atau penghargaan ke atas pencapaiannya menjadi seorang lelaki dewasa yang gagah dan berani. Perlu ditekankan bahawa amalan mengukir tatu dalam kalangan masyarakat Iban di Sarawak bukanlah hiasan tertentu untuk tujuan bergaya semata-mata kerana setiap ukiran tatu yang dihasilkan mempunyai makna tersendiri dan dianggap suci. Bagi masyarakat Iban, tatu merupakan media untuk memahami diri seseorang individu sebagai bahagian daripada kalangan masyarakat Dayak Iban. Dalam erti kata lain, masyarakat Iban berasa bahawa mereka telah melaksanakan kewajipan sebagai bahagian daripada suku Dayak sekiranya mempunyai tatu tradisional pada badan mereka (Ringah Kanyan, 2015: 4; Fakhri, & Kahija, 2015: 53). Amalan mengukir tatu juga dikaitkan untuk tujuan penghormatan terhadap nenek moyang Iban atau roh yang telah meninggal yang masih tinggal di perkampungan yang dinamai sebagai

'perkampungan orang mati', dan penghormatan terhadap alam semula jadi di mana masyarakat Iban percaya bahawa tumbuh-tumbuhan mengandungi kekuatan hidup yang sama dengan kekuatan yang dimiliki oleh manusia dan haiwan. Oleh hal yang demikian, dari sudut mitologi, masyarakat Iban percaya bahawa *Petara* iaitu tuhan kaum Iban yang mengkehendaki masyarakat Iban untuk mengukir tatu pada tubuh sebagai satu petanda agar *Petara* dapat mengenali mereka adalah masyarakat Iban (Benedict Sandin, 1980: 55).

Secara umumnya, terdapat beberapa tradisi lisan yang mengaitkan asal usul masyarakat Iban mula mengukir tatu. Namun, sebahagian besar tradisi lisan tersebut akan mengaitkannya dengan tujuan mereka mengukir tatu adalah disebabkan oleh kehendak *petara* iaitu tuhan berdasarkan kosmologi masyarakat Iban pada zaman dahulu (Augustine Ganjing & Jonathan Singki, 1991: 8). Malah, terdapat pandangan yang mengatakan bahawa ukiran motif tatu masyarakat Iban berasal daripada dewa yang dipanggil *Keling Gerasi Nading Bujang Berani Kempang, Simpurai Muntigerai, Sepatu Manok Antu, Pandak Segatak, Sepungga Lumpong Nangga, Laja Mirah Moa Nekang Jerenang*, dan lain-lain di mana semua dewa tersebut merupakan dewa-dewa perang yang tinggal di Panggau Libau, iaitu alam mistik yang menjadi tempat tinggal pahlawan Iban yang bernama Keling yang gagah berani dan isterinya Kumang yang mahir dan menawan (Chemaline Osup, 2019: 136).

Kaum Iban percaya bahawa roh atau semangat akan tinggal bersama mereka dalam semua aspek kehidupan harian dan percaya bahawa amalan mengukir tatu dapat menarik tenaga ghaib yang luar biasa serta mendapat perlindungan daripada roh-roh tersebut (Chemaline Osup, 2019: 136). Menurut Juna Anak Limban (91 tahun), amalan mengukir tatu tradisional dalam kalangan masyarakat Iban di daerah Lubuk Antu, Sri Aman pada abad ke-19 telah mula dilakukan berdasarkan beberapa cerita lisan atau legenda mitos yang diperturunkan dan disebarkan daripada generasi terdahulu. Hal ini demikian kerana masyarakat Iban pada dasarnya tidak mempunyai sistem tulisan sendiri. Oleh itu, mereka telah menjadikan ukiran motif tatu sebagai satu cara untuk menggambarkan simbolik atau identiti kaum mereka. Setiap motif tatu tradisional yang diukir pada tubuh mengandungi kekuatan spiritual yang tidak boleh dimiliki sesuka hati (Komunikasi peribadi, Juna Anak Limban, 10 Jun 2021).

Kisah Pertelingkahan Orang Iban

Menurut Juna Anak Limban, asal usul amalan tradisi mengukir tatu tradisional dalam kalangan masyarakat Iban di Lubuk Antu dipercayai bermula melalui sebuah peristiwa yang pernah berlaku pada zaman nenek moyang Iban, iaitu telah berlakunya pertelingkahan antara beberapa orang Iban yang sedang memasak semasa musim menanam padi iaitu musim '*nugal di tegalan*'. Semasa mereka bertengkar, salah seorang daripada mereka telah tertusuk objek tajam yang diselaputi jelaga yang akhirnya telah meninggalkan kesan pada kulitnya. Pada asalnya, kesan jelaga tersebut adalah kesan luka, namun secara tidak sengaja beliau telah memasukkan '*alung*,' iaitu sisa-sisa kayu yang berwarna hitam setelah dibakar pada kesan lukanya lalu digosok pada kesan tersebut bagi mengurangkan kesakitan. Namun demikian, setelah kesan luka telah kering, kesan *alung* yang digosok tadi tidak boleh dibuang atau dihilangkan dengan cara apa pun. Oleh sebab hal inilah orang Iban pada ketika itu menyebutnya sebagai tatu atau *pantang* dalam bahasa Iban. Maksud istilah *pantang* secara lebih spesifik ialah perkara yang tidak boleh dilakukan lagi kerana kesan daripada pertengkaran tersebut menyebabkan padi-padi yang ditanam di rumah panjang (*huma*) menjadi tidak subur atau tidak menjadi pada ketika itu (Komunikasi peribadi, Juna Anak Limban, 10 Jun 2021).

Legenda Makhluk Mitos *Remaung*

Selain itu, perkara yang turut menjadi faktor masyarakat Iban mula mengukir tatu pada anggota badan juga adalah kerana kepercayaan nenek moyang mereka pada zaman dahulu yang menganggap bahawa amalan mengukir tatu pada anggota badan mampu mengingatkan mereka tentang kewujudan makhluk mitos Iban yang dikenali sebagai *Remaung* iaitu harimau separuh manusia yang perlu dihormati (Heppell, 2014: 130). Hal ini dikatakan demikian kerana sekiranya seseorang berketurunan Iban tidak memiliki sebarang ukiran tatu pada badannya sedang berjalan di kawasan hutan, mereka akan sangat mudah untuk menjumpai barangan kepunyaan mereka sendiri dan seandainya barang-barang tersebut disentuh mahupun dibawa pulang ke rumah, maka individu tersebut akan ditimpa musibah seperti mendapat serangan penyakit dan akhirnya membawa ajal. Sementara itu, sekiranya individu Iban memiliki ukiran tatu pada anggota badan pula, orang Iban percaya bahawa *Remaung* akan mengenali mereka sebagai seorang manusia dan tidak akan diganggu (Sellato, 2019: 15).

Legenda Burung Bongsu Bubut dan Burung Bongsu Ruai

Terdapat juga masyarakat Iban Lubuk Antu yang mempercayai bahawa asal usul orang Iban mula melakukan kegiatan mengukir tatu adalah berdasarkan kepada cerita mitos dan legenda nenek moyang orang Iban. Menurut mitos tersebut, orang Iban pada zaman dahulu dikatakan gemar mengukir tatu kerana mencontohi ukiran yang dihasilkan oleh Burung Bongsu Bubut terhadap Burung Bongsu Ruai (Lina Kunjak, 29 Mac 2019). Pada mulanya, dikatakan bahawa terdapat dua orang pengembara Iban yang dikenali dengan nama Nyanggau dan Jantau yang mengembara masuk ke hutan untuk mendapatkan getah jelutung kerana harga getah jelutung pada ketika itu sangat tinggi. Pada hari seterusnya, Nyanggau dan Jantau bercadang untuk berburu binatang setelah sekian lama mereka berdua tidak memakan daging. Tidak lama kemudian, terdapat dua individu yang tidak dikenali telah mendatangi Nyanggau dan Jantau lalu mempelawa mereka untuk singgah ke rumah mereka yang terletak berhampiran di kawasan tersebut dan kedua-dua individu tersebut sebenarnya merupakan Burung Bongsu Bubut dan Burung Bongsu Ruai yang telah menjelma menjadi manusia.

Setelah tiba di rumah mereka, kedua-dua burung tersebut kemudiannya bercadang untuk membuat ukiran pada anggota badan mereka dan ukiran yang dihasilkan oleh Burung Bongsu Bubut pada badan Burung Bongsu Ruai dilihat sangat menarik dan cantik sehingga Burung Bongsu Ruai sangat gembira dengan ukiran yang dihasilkan pada badannya (Sohaimi Zakaria, 2018: 35). Selepas selesai mengukir, tibalah giliran Burung Bongsu Ruai untuk mengukir badan Burung Bongsu Bubut. Namun, apabila badan Burung Bongsu Bubut telah siap diukir separuh dan dilihat lebih cantik daripada ukiran miliknya, beliau akhirnya berubah fikiran dan secara sengaja memburukkan ukirannya kerana tidak ingin ukiran Burung Bongsu Bubut kelihatan lebih menarik dan cantik daripadanya. Maka, Burung Bongsu Ruai secara sengaja telah pun mewarnakan tubuh badan Burung Bongsu Bubut dengan dua jenis warna sahaja iaitu warna merah dan hitam. Akhirnya, ukiran yang terhasil pada awalnya telah berubah kepada tanpa corak. Setelah menyedari perbuatan Burung Bongsu Ruai tersebut, Burung Bongsu Bubut sangat kecewa dan marah sehingga tercetusnya pergaduhan antara kedua-duanya. Nyanggau dan Jantau pula sedaya upaya untuk menghentikan pertelingkahan antara Burung Bongsu Ruai dan Burung Bongsu Bubut namun tidak berjaya. Malah, Nyanggau dan Jantau sangat mengagumi dan berminat dengan ukiran yang dihasilkan oleh

Burung Bongsu Bubut dan bertindak untuk membuat ukiran tersebut setelah mereka pulang ke tempat tinggal mereka (Dominic Sagin, 2013: 110).

Pengalaman Gendup (Moyang Iban)

Selain itu, terdapat juga dalam kalangan orang Iban yang mendakwa bahawa sejarah tatu masyarakat Iban bermula daripada kisah pengalaman moyang Iban yang dikenali dengan nama Gendup (Murina Pawanteh *et al.*, 2021: 40-45). Menurut sejarah kaum Iban, pada suatu ketika dahulu, Gendup dikatakan telah dibawa secara tiba-tiba ke alam roh dengan keadaan tidak sedarkan diri. Di alam roh tersebut, beliau dikatakan telah melihat ramai lelaki yang memiliki ukiran atau tanda yang sangat menarik di seluruh tubuh mereka. Gendup kemudiannya tertarik dengan ukiran tersebut dan berasa sangat ingin tahu tentang penglihatan yang beliau lalui ketika itu. Gendup berhasrat untuk mempunyai ukiran tatu yang cantik seperti yang dimiliki oleh sekumpulan lelaki tersebut. Dengan itu, beliau meminta mereka untuk mengukir tatu pada tubuh badannya dan ingin ditatu oleh tiga orang pengukir tatu yang mahir dari alam roh tersebut. Tatu yang diukir pada badan Gendup mengambil masa selama tiga hari untuk disiapkan dengan lengkap iaitu dengan menggunakan bahan seperti jarum dan jelaga berminyak atau dipanggil sebagai '*arok*' dalam Bahasa Iban. Apabila pengukir-pengukir tatu yang handal tersebut telah menyelesaikan tugas mereka, Gendup kemudiannya berhasrat untuk memiliki ukiran tatu *Entegulun* di bahagian belakang tangannya. Malangnya, motif tatu *Entegulun* hanya boleh diukir dan dimiliki oleh individu Iban yang pernah membunuh dan memenggal kepala musuh semasa dalam ekspedisi perang suku serta hanya dikhususkan kepada para pahlawan gagah dalam masyarakat Iban sahaja. Setelah Gendup kembali semula ke alam nyata, beliau menceritakan pengalamannya dengan rakan-rakannya tentang perkara-perkara yang telah dilakukannya sepanjang berada di alam roh. Sejak daripada peristiwa tersebut, sebilangan masyarakat Iban yang tertarik dengan pengalaman Gendup berasa teruja untuk memiliki ukiran tatu pada anggota badan mereka bermula sejak dua belas generasi terdahulu (Nelson Anthony, 2021).

Tujuan Pengukiran Tatu Tradisional dalam Masyarakat Iban

Tatu tradisional merupakan salah satu identiti masyarakat Iban yang penting. Berdasarkan tradisi masyarakat Iban, tatu tradisional sangat dihormati dan dijunjung tinggi dalam kalangan masyarakat Iban terdahulu. Tatu tradisional lazimnya diukir untuk tujuan tertentu yang hanya boleh dimiliki oleh individu yang layak sahaja. Antara tujuan tatu tradisional diukir adalah untuk menunjukkan identiti dan pantang larang masyarakat Iban, membezakan status sosial dalam masyarakat Iban, melindungi diri daripada roh jahat, simbol ketertarikan diri, prestasi dalam kegiatan perburuan dan peralihan usia dalam fasa kehidupan.

Simbol Identiti dan Pantang Larang Masyarakat Iban

Menurut Juna Anak Limban, beliau mengatakan bahawa masyarakat Iban di Lubuk Antu pada zaman dahulu berpegang teguh dengan kepercayaan tradisi yang berlandaskan kepada amalan animisme. Sehubungan dengan itu, pengukiran tatu dalam masyarakat Iban merupakan simbol yang melambangkan ketaatsetiaan mereka pada adat dan kepercayaan yang diamalkan dalam kehidupan. Menurut masyarakat Iban, seseorang individu yang berketurunan Iban atau secara amnya adalah suku Dayak harus mempunyai ukiran tatu pada anggota tubuh sebagai tanda bahawa mereka merupakan bahagian dari keturunan kaum tersebut di mana motif-motif tatu yang diaplikasikan juga melambangkan ciri-ciri khas dari suku kaum Iban. Hal ini demikian kerana sekiranya seorang individu berketurunan Iban tidak memiliki sebarang ukiran tatu pada tubuhnya, maka orang lain yang bukan berketurunan Iban akan sukar untuk mengenali bahawa mereka adalah masyarakat Iban. Selain itu, berdasarkan pantang larang tatu Iban, sekiranya terdapat dalam kalangan mereka pernah bermimpi tentang darah atau kebakaran, mereka tidak akan mengukir tatu selama tempoh setahun kerana percaya bahawa mereka akan ditimpa bencana atau musibah sekiranya melanggar pantang larang tersebut. Oleh hal yang demikian, sekiranya tidak mempunyai tatu, mereka akan dianggap tidak mentaati adat atau amalan kepercayaan yang pada ketika itu terikat dengan syarat dan pantang larang.

Pelindung Roh Selepas Kematian

Selain itu, beliau juga mengatakan bahawa tujuan tatu diukir adalah sebagai pelindung kepada roh selepas kematian di mana penduduk masyarakat Iban di rumah panjang percaya bahawa roh-roh orang Iban yang telah meninggal dunia akan menemui banyak halangan atau rintangan dalam perjalanan menuju ke perkampungan orang mati ataupun syurga bagi masyarakat Iban. Rintangan yang paling sukar adalah menyeberangi sungai kematian di mana hanya roh-roh atau jiwa-jiwa yang memiliki tatu pada tubuh badan sahaja yang dapat melintasi jambatan untuk menyeberangi sungai tersebut (Charmaine, 2019). Dalam hal ini, mereka percaya bahawa tatu-tatu hitam yang terdapat pada anggota tubuh roh atau jiwa tersebut akan terbakar dan mengeluarkan cahaya terang yang berfungsi untuk membimbing jiwa agar dapat menyeberang dengan selamat dan membolehkan roh nenek moyang akan mengenali jiwa mereka sebaik sahaja menyeberangi sungai kematian tersebut. Dalam erti kata lain, tatu dianggap sebagai 'obor' yang menjadi penerang perjalanan roh-roh mereka menuju ke alam yang abadi setelah kematian (*Sebayan*) (Darmadi, 2017: 1010). Sementara itu, roh-roh yang tidak memiliki tatu atau tatu yang tidak lengkap pula menemui jalan mati di mana penjaga jambatan sungai kematian yang disebut sebagai *Maligang* akan menghalang laluan di jambatan tersebut kepada mereka yang gagal dan memaksa mereka turun ke sungai untuk dimakan oleh seekor ikan gergasi yang dikenali sebagai *Patan*.

Membezakan Status Sosial

Bagi masyarakat Iban, pemilikan tatu pada zaman dahulu adalah berdasarkan kepada perbezaan keturunan di mana tatu dianggap sebagai simbol status sosial, dan kekayaan dalam kalangan masyarakat Iban. Pengukiran motif tatu pada anggota tubuh hanya boleh dilakukan oleh golongan tertentu berpandukan kepada syarat yang telah ditetapkan oleh generasi Iban terdahulu. Pada zaman dahulu, ukiran tatu pada anggota tubuh seseorang dapat membezakan mereka dari segi kedudukan kelas sosial dalam kalangan masyarakat Iban khususnya para penghuni di rumah panjang (Aryanti, *et al.*, 2022: 40). Misalnya, individu lelaki Iban yang memiliki banyak ukiran motif tatu tradisional pada seluruh bahagian tubuhnya mempunyai kelas sosial yang tinggi. Hal ini dikatakan demikian kerana menurut orang Iban zaman dahulu, semakin banyak ukiran tatu pada anggota tubuh, maka

semakin tinggi kedudukan kelas sosial dalam kalangan masyarakat Iban di mana mereka ini akan dianggap berpengaruh kerana telah terlibat dalam banyak ekspedisi perburuan kepala (*ngayau*) atau mengembara (*bejalai*).

Bagi golongan wanita Iban pula, mereka hanya boleh memiliki tatu dan mempunyai kelas sosial tertinggi sekiranya mereka mempunyai kemahiran dalam aktiviti menenun dan menari tarian tradisional. Terdapat juga golongan bangsawan wanita yang memiliki tatu pada bahagian paha, iaitu menandakan status sosial tertinggi dan lazimnya dilengkapi dengan gelang yang dipakai pada bahagian bawah betis. Ukiran tatu pada anggota tubuh menjadi satu tanda kehormatan dan kebanggaan bagi masyarakat Iban. Di samping itu, masyarakat Iban tradisional pada zaman dahulu juga mengukir tatu pada kanak-kanak lelaki yang telah mencapai umur 10 atau 11 tahun untuk menandakan bahawa mereka sudah mencapai tahap kematangan '*baru lanjau*'² dan sudah bersedia untuk menyertai aktiviti perburuan (Aryanti, *et al.*, 2022: 41). Tujuan utama tatu diukir pada kanak-kanak adalah sebagai azimat atau pelindung bagi melindungi mereka daripada roh-roh jahat dan menjadikan mereka kebal ketika mendapat serangan daripada musuh. Kebanyakan golongan dewasa Iban memiliki ukiran tatu dari kepala hingga ke hujung kaki bagi melambangkan status sosial dan keberanian.

Simbol Ketertarikan Diri

Pada zaman dahulu, masyarakat Iban amat mementingkan bilangan tatu yang terdapat pada tubuh seseorang dalam pemilihan bakal suami atau isteri. Berdasarkan temu bual bersama Martina Anak Linggi (51 tahun), beliau mengatakan bahawa pemilikan tatu dalam kalangan Iban pada zaman dahulu berfungsi sebagai simbol yang menjadi elemen penting dalam menunjukkan ketertarikan pada kedua-dua jantina lelaki dan perempuan, ekspresi diri, penangkal dari pengaruh atau kekuatan yang jahat, dan juga simbol menunjukkan status sosial antara lelaki dan wanita. Bagi golongan lelaki Iban, sekiranya mereka tidak mempunyai tatu atau mempunyai tatu yang tidak siap diukir akan dianggap sebagai sebuah rumah yang tidak beratap dan dilabel sebagai '*telanjai*' atau telanjang³.

Bagi golongan wanita Iban, beliau mengatakan bahawa pengukiran tatu berfungsi sebagai perhiasan dan kecantikan diri untuk menarik perhatian dan memikat lelaki Iban. Di samping berfungsi sebagai perhiasan diri, ukiran tatu pada wanita Iban juga melambangkan kemampuan mereka melaksanakan sesuatu tanggungjawab dan kewajipan sebagai isteri serta berkebolehan dalam tarian tradisional iaitu Ngajat dan juga aktiviti menenun (Komunikasi Peribadi, Martina Anak Linggi, 2 Julai 2021). Walau bagaimanapun, bilangan tatu khas yang diukir pada golongan wanita Iban adalah tidak sebanyak motif tatu yang diukir pada golongan lelaki Iban dan motif tatu wanita mempunyai saiz yang lebih kecil berbanding tatu lelaki Iban. Ringkasnya, sepanjang sejarah manusia, golongan wanita telah mengukir tatu pada kulit hidup dalam percubaan mereka untuk mencantikkan, menyembuhkan, memperkasakan, atau membawa tubuh lelaki dan wanita ke alam akhirat. Oleh hal yang demikian, generasi moyang masyarakat Iban pada zaman dahulu amat mementingkan bilangan ukiran motif tatu pada badan seseorang dalam pemilihan bakal suami dan isteri.

Prestasi dalam Kegiatan Perburuan

Selain itu, berdasarkan temu bual bersama Willy Anak Nyandang (68 tahun), beliau turut mengatakan bahawa pemilikan tatu tradisional dalam kalangan masyarakat Iban di Lubuk Antu juga merupakan satu pencapaian atau prestasi daripada hasil dalam kegiatan berburu sama ada berburu binatang atau pemburuan kepala manusia iaitu '*Ngayau*' dalam istilah Bahasa Iban (Komunikasi Peribadi, Willy Anak Nyandang, 31 Julai 2021). Pada dasarnya, tujuan masyarakat Iban melakukan kegiatan Ngayau pada zaman dahulu adalah untuk mempertahankan diri daripada serangan musuh, dicabar, diganggu, atau diceroboh oleh kaum lain termasuklah orang asing seperti Rajah Brooke. Beliau mengatakan bahawa ekspedisi *Ngayau* merupakan satu manifestasi adat tradisi dalam budaya masyarakat Iban dan bukan hanya untuk membunuh semata-mata. Pengaruh dalam budaya pengayauan adalah disebabkan oleh beberapa faktor yang berkait rapat dengan status individu, kepercayaan, dan kelangsungan hidup.

Sehubungan dengan itu, tatu menandakan kejayaan atau keberhasilan mereka yang telah melakukan kegiatan memenggal kepala musuh di mana tatu tersebut diukir pada seluruh anggota tubuh si pemburu iaitu '*pengayau*'. Amalan *Ngayau* dalam adat tradisi

masyarakat Iban secara dominannya dipengaruhi oleh amalan adat *Bejalai* iaitu mengembara. Malah, orang Iban juga akan mengukir tatu terlebih dahulu sebelum pergi ke tempat atau negara lain sebagai simbol atau tanda peringatan tempat tinggal asal mereka. Menurut Willy, terdapat satu gelaran yang amat popular dalam kalangan lelaki Iban pada zaman dahulu iaitu "*Bujang Berani Kempang, Lendat Dibiau Takang Isang*". Gelaran ini membawa makna bahawa semakin banyak bilangan kepala yang dibawa pulang daripada aktiviti memburu (*ngayau*), maka semakin banyak bilangan tatu yang dicacah pada badan seorang pahlawan melawan musuh. Oleh hal yang demikian, tatu tidak boleh diukir sesuka hati terutamanya terhadap mereka yang masih belum layak atau tidak pernah melakukan kegiatan pengayauan atau perburuan. Hal ini disebabkan pemilikan tatu hanya dikhaskan kepada golongan tertentu dan tidak boleh melanggar syarat atau pantang dalam adat kepercayaan.

Peralihan Usia dalam Fasa Kehidupan

Di samping itu, Martina turut menjelaskan bahawa pemilikan tatu tradisional juga melambangkan bahawa seseorang individu Iban telah melalui proses tertentu dalam masa krisis, sekali gus berfungsi sebagai bukti yang menunjukkan bahawa berlakunya fasa peralihan dalam kehidupan iaitu bermula dari peringkat seorang kanak-kanak ke peringkat remaja, seterusnya dari peringkat seorang gadis menjadi seorang perempuan dewasa dan dari perempuan dewasa menjadi wanita atau ibu yang memiliki anak. Dalam erti kata lain, pemilikan tatu menunjukkan peringkat seseorang individu dalam kehidupan seiring dengan peningkatan usia iaitu dari kanak-kanak ke peringkat dewasa dan seterusnya ke peringkat tua di mana tatu-tatu yang diukir menunjukkan bahawa ia telah melalui perubahan fasa dalam kehidupan. Hal ini dibuktikan menerusi pemberian tatu terhadap gadis perempuan yang telah mengalami menstruasi atau akil baligh.

Kesimpulan

Amalan tradisi mengukir tatu tradisional dalam kalangan masyarakat Iban di daerah Lubuk Antu, Sri Aman dipercayai mula dipraktikkan menerusi beberapa cerita lisan dalam sejarah masyarakat Iban yang diperturunkan oleh generasi tua masyarakat Iban pada suatu ketika

dahulu. Cerita lisan yang disebarkan secara meluas dan dipercayai dalam kalangan masyarakat Iban sejak turun-temurun telah menjadikan amalan tradisi mengukir tatu tradisional sebagai salah satu aktiviti sosial di rumah panjang yang mampu menghubungkan masyarakat Iban dengan *petara* iaitu tuhan mereka sebelum kedatangan agama Kristian di seluruh Pulau Borneo. Hal ini demikian kerana amalan tradisi ini dipercayai oleh masyarakat Iban sebagai kehendak atau perintah daripada *petara* (tuhan) kerana tatu tradisional dipercayai sebagai pelindung roh mereka selepas kematian (*afterlife*). Cerita lisan mengenai tatu tradisional Iban yang mengandungi unsur mitos dan legenda sudah tentu bertentangan dengan pola pemikiran atau perspektif masyarakat Iban pada hari ini kerana dianggap sebagai cerita dongeng yang dipercayai dan disebar secara meluas dalam kalangan masyarakat Iban pada suatu ketika dahulu.

Hal ini juga adalah kerana generasi pada zaman dahulu sangat berpegang kuat kepada kosmologi dan kepercayaan animisme dalam setiap aspek kehidupan mereka di rumah panjang yang sudah tentu berbeza dengan kehidupan masyarakat zaman sekarang yang majoritinya telah mempunyai pegangan agama. Malah, melalui ukiran tatu ini masyarakat yang datang dari kawasan penempatan lain juga mudah untuk mengenali mereka sebagai masyarakat Iban. Bermakna, tatu tradisional sangat mempengaruhi hampir seluruh aspek kehidupan masyarakat Iban pada suatu ketika dahulu. Menurut pandangan pengkaji, walaupun cerita lisan masyarakat Iban mengandungi unsur mitos dan tidak masuk akal bagi generasi pada zaman sekarang, tetapi tidak salah sekiranya masyarakat pada masa kini mengamati sejarah dan memelihara keunikan seni tatu tradisional yang telah dipraktikkan oleh generasi nenek moyang Iban pada zaman dahulu. Perbezaan terutamanya dari sudut pegangan hidup atau agama kepercayaan tidak bermakna bahawa masyarakat Iban pada zaman sekarang boleh melupakan amalan tradisi kaum sendiri dan perubahan kepercayaan bukanlah sebagai satu halangan untuk masyarakat Iban bersama-sama mengamati sejarah, menghargai kesenian, dan memelihara motif-motif tatu tradisional kaum Iban pada hari ini. Langkah ini supaya tatu kekal menjadi lambang identiti dan simbol kebanggaan masyarakat Iban kerana kesenian amalan mengukir tatu ini menggambarkan kehidupan sosial masyarakat Iban di rumah panjang pada zaman dahulu.

Nota

¹ Juga dikenali sebagai Dayak.

² Istilah '*baru lanjau*' bermaksud baru mencapai peringkat remaja.

³ Istilah '*telanjai*' bermaksud tidak memakai pakaian.

Senarai Rujukan

Buku dan Jurnal

- Aryanti, Dewi Raihan & Sumawinata. (2022). Tradisi Tatu dayak sebagai simbol strata sosial. *ANP Journal of Social Science and Humanities*, 3, 39-44.
- Augustine Anggat Ganjing & Jonathan Singki. (1991). *Basic Iban design: An introduction*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Augustine Anggat Ganjing. (1988). *Basic Iban design: An introduction*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Benedict Sandin. (1967). *The Sea Dayaks of Borneo before White Rajah rule*. Macmillan: University of Michigan.
- Benedict Sandin. (1980). *Iban Adat and augury*. Penang: University Sains Malaysia.
- Benedict Sandin. (1980). *The living legends: Borneans telling their tales*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bibiana Motey Bilon Senang & Noria Tugang. (2018). The Iban traditional religion: Miring journal. *Journal of Borneo Kalimantan*, 4, 37-42.
- Chemaline Anak Osup. (2019). The oral literature of the Iban in Borneo. *Muslim Journal of Social Science and Humanities MJSSH*, 3(2), 132-140.
- Darmadi, H. (2017). Dayak and their daily life. *Journal of Education, Teaching and Learning*, 2, 101-105.
- DeMello, M. (2014). *Body studies: An introduction*. Routledge: Taylor & Francis.
- Dominic Dado Sagin. (2013). *A ring of truth: A journey through space-time, myths, legends, and oral histories – the adventour of a headhunter*. Houston: Strategies Book Publishing.
- Fakhri, M. & Kahija. (2015). Menelusuri kehidupan pantang Iban: Gambaran psikologi manusia berbudaya tatu sebuah interpretative phenomenological analysis. *Jurnal Empati*, 4(2), 51-57.

- Gregory Kiyai & Noria Tugang. (2019). The Iban journey of afterlife: artifak iringan tukang sabak. *Journal of Borneo-Kalimantan*, 5, 10-16.
- Heppell, M. (2014). *The seductive warp thread: An evolutionary history of Ibanic weaving*. Williamsburg VA: Borneo Research Council.
- Murina Pawanteh, Roselina Johari & Loo Chong Hang. (2021). Survival on the Skin: Communication, continuity, and preservation of the Iban Tattoo. *Jurai Sembah*, 2, 40-45.
- Ringah Kanyan. (2015). Exploring the semiotics of the Dayak motif in Sarawak. *Social Sciences Postgraduate International Seminar (SSPIS)*.
- Sather, C. (2012). *Recalling the dead, revering the ancestor: Multiple forms of ancestorship*. Dlm. *Saribas Borneo Studies: Death, Transformation, and Social Immortality*.
- Sellato, B. (2019). The other tiger: History, Beliefs, and Rituals in Borneo. *Temasek Working Paper Series*. ISEAS: Yusop Ishak Institute. Temasek History Research Centre.
- Sohaimi Zakaria. (2018). *Bongsu Bubut with Bongsu Ruai, finding aids: The world of Iban*. Selangor: Kampus Puncak Perdana UiTM. IMR455 IBAN 2. No.1.

Temu Bual

- Juna Anak Limban. 91 Tahun. Penduduk Asal Kampung Pala Taong, Delok, Ulu Batang Ai, Lubuk Antu. Berbangsa Iban. 10 Jun 2021.
- Martina Anak Linggi. 51 Tahun. Penduduk Asal Kampung Nanga Spaya, Engkari, Lubuk Antu. Berbangsa Iban. 2 Julai 2021.
- Willy Anak Nyandang. 68 Tahun. Penduduk Asal Rumah Panjang Buie Panjai, Lubuk Antu. Berbangsa Iban. 31 Julai 2021.

Laman Web

- Lina Kunjak. (2019). Bunsu ba Pengarap Lama. *Suara Sarawak*. 29 Mac. Dipetik dari <https://suarasarawak.my/2019/03/bunsu-bubut-ba-pengarap-lama/> pada 15 April 2021.
- Nelson, Anthony. (2021). Asal-Usul Dayak Iban Bertatu/Tattoo/Kisah Gendup, Dipetik dari <https://youtu.be/yLueD6Uyf9g> pada 21 Ogos 2021.